



Ruj.Kami: PPMNJ/SISF/09/07 (4)
Tarikh: 21 MEI 2017

YM Dato' Raja Ruslan bin Raja Samah
Ketua Pegawai i Eksekutif
Persekutuan Pengakap Malaysia
Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Malaysia.
Rumah BP,
Jalan Hang jebat.
50150 Kuala Lumpur.
Malaysia

YM Dato'

MEMOHON MEMAKLUMKAN PROGRAM SOUTHERN INTERNATIONAL SCOUT FIESTA 2017 KEPADA PERSEKUTUAN PENGAKAP NEGERI-NEGERI DAN PERMOHONAN SURAT PELEPASAN TUGAS PEGAWAI PENDIDIKAN, GURU PEMIMPIN DAN AHLI PENGAKAP KEPADA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Sukacitanya perkara di atas adalah dirujuk.

2.Untuk makluman YM Dato' Jemaah Menteri telah meluluskan Penganjuran Program Pengantarabangsaan Dalam Negera oleh Sekolah Berprestasi Tinggi seluruh negara. Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Johor dengan kerjasama Persekutuan Pengakap Malaysia Daerah Pontian dan SMK Dato' Penggawa Barat telah bersetuju untuk menganjurkan bersama program ini. Permohonan bagi Program ini khususnya kepada ahli-ahli pengakap sekolah berprestasi tinggi telah dimajukan kepada Ybhg. Tan Sri Dato' Seri Paduka Dr. Hj. Shafie bin Mohd. Salleh, Ketua Pengakap Negara.

3. Butiran Program tersebut adalah seperti berikut:

- 3.1 Nama Program : Southern International Scout Fiesta 2017
- 3.2 Tarikh : 22 Julai 2017 (Sabtu)
- 3.3 Tempat : SMK Dato' Penggawa Barat, Pontian
- 3.4 Sasaran : Ahli pengakap berdaftar di sekolah-sekolah Berprestasi Tinggi seluruh negara melalui Ketua Pesuruhjaya Negeri/ Pengetua (Kuasa Penganjur)
- 3.5 Bayaran RM 30 bagi setiap peserta (ahli pengakap)/pemimpin/Guru pengiring

4. Sehubungan dengan itu kami berharap dapat kiranya dengan kerjasama YM Dato' untuk memaklumkan kepada Persekutuan Pengakap Negeri-negeri setelah kelulusan daari Ybhg. Tan Sri Dato' Seri Paduka Dr. Hj. Shafie bin Haji Mohd. Salleh, Ketua Pengakap Negara diperolehi.

5. Beersama-sama ini dilampirkan kertas cadangan program dan surat kelulusan penganjuran program dari Kementerian Pendidikan Malaysia untuk tindakan YM Dato'

Saya dengan hormatnya
Yang menjalankan tugas



~~YAACOB BIN A. KARIM~~
Ketua Pesuruhjaya Negeri
Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Johor

Sk:

Setiausaha Kehormat
Majlis Pengakap Negeri Johor